

11 MAR 2002

Abdullah-Singapura/I

SINGAPURA SETUJU MENERIMA NOTA KEBIMBANGAN MALAYSIA

PUTRAJAYA, 11 Mac (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata Singapura telah bersetuju untuk menerima sebarang nota daripada Malaysia mengenai kebimbangan negara terhadap kemungkinan kesan negatif kerja-kerja penambakan di Pulau Tekong, bersempadan perairan Malaysia.

Semasa memberi taklimat kepada media selepas pertemuan selama sejam dengan rakan sejawatannya dari Singapura Lee Hsien Loong di sini hari ini, Abdullah berkata Lee telah menyatakan kesediaan republik itu jika Malaysia mempunyai sebarang bukti bahawa kegiatan itu menjejaskan kepentingan Malaysia.

"Beliau telah berkata pihak Singapura bersedia menerima nota daripada Malaysia yang menjelaskan semua perkara yang dilihat sebagai menjejaskan kedudukan kita ataupun kawasan-kawasan sempadan antara Singapura dan Malaysia," katanya.

Semalam Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar telah berkata Singapura tidak patut mengendahkan kebimbangan mengenai kesan kerja-kerja penambakan di perairannya.

Kenyataan itu sebagai menjawab satu kenyataan terdahulu oleh Kementerian Luar Singapura yang seolah mengetepikan kebimbangan Malaysia mengenai kesan negatif penambakan di perairan Pulau Tekong Singapura.

Sejak seminggu lepas, isu penambakan telah ditambah dalam senarai isu-isu dua hala antara kedua-dua negara dengan Malaysia menyuarakan kebimbangan bahawa kegiatan Singapura itu mungkin menyempitkan jalan air yang memisahkan kedua-dua negara dan juga menjejaskan ekologi serta mata pencarian nelayan di kawasan itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah berkata Kuala Lumpur mahukan jaminan daripada Singapura bahawa penambakan itu tidak akan menjejaskan tempat paling dalam di selat yang penting bagi perkapalan.

Abdullah berkata Malaysia telah mula meninjau kawasan itu dan akan menyediakan sebarang bukti kepada Singapura mengenai kemungkinan kesan yang berlaku.

"Kalau ada sesuatu yang mengesahkan apa yang menjadi keraguan pada kita, kita akan beritahu pada mereka dan mereka bersedia menerima nota itu," katanya.

Abdullah berkata sebelum ini, Malaysia melalui Kementerian Luar, telah menghantar satu nota kepada Singapura menyatakan bahawa kerja-kerja penambakan itu telah mencero bohi perairan Malaysia tetapi Singapura menyangkal dakwaan itu.

Beliau berkata pada pertemuan hari ini, Lee menegaskan pendirian Singapura bahawa penambakan itu adalah dalam kawasan perairannya, bahawa ia tidak akan menjejaskan ekologi dan adalah merupakan hak Singapura untuk menjalankan kegiatan sedemikian.

"Tetapi saya juga telah menerangkan beberapa perkara tertentu, mengenai kebimbangan Malaysia tentang kemungkinan kesan sampingan penambakan itu, ia juga mungkin mendatangkan kesan lain, kita tidak tahu," katanya.

Ditanya sama ada isu itu akan menjejaskan hubungan dua hala antara kedua-dua negara, Abdullah berkata: "Jika kita tidak menangani sebarang isu sewajarnya, maka ia akan menjejaskan hubungan. Buat masa ini, saya tidak percaya ia telah menjejaskan hubungan."

Mengenai penjualan air kepada Singapura, Abdullah berkata Malaysia telah pun menjawab kepada Singapura mengenai perkara itu.

Abdullah berkata Malaysia berharap kedua-dua pihak akan mengadakan perjumpaan tidak lama lagi.

"Bagi Malaysia, saya fikir kita telah pun mempunyai pendirian dalam perundingan kita, sesuatu yang menjadi asas bagi perundingan," katanya.

Pada Januari tahun ini, Singapura berkata ia telah meminta Malaysia menyatakan pendiriannya mengenai isu-isu yang belum selesai termasuk bekalan air, dan masih menunggu jawapan.

Kedua-dua pihak masih belum mencapai persetujuan mengenai harga baru air bagi air yang Malaysia bekalkan sejak tahun 60an.

Malaysia hanya mengenakan bayaran kepada republik itu tiga sen bagi seribu gelen (satu gelen menyamai kira-kira 4.5 liter) air mentah dan telah meminta bagi satu harga yang berpatutan.

Lee sedang dalam rangka lawatan tiga hari atas undangan Abdullah, yang melakukan lawatan rasmi ke republik itu tahun lepas.

Lee kemudian mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabatnya di sini.

-- BERNAMA

RV MFJ JK RON